



MEMBERI PANDUAN BERHARGA: Kaunselor Pendidikan dan Bimbingan Kerjaya di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Timur, Encik Muhammad Zulhelmi Jumaat (*kiri*) berusaha membantu belia seperti Cik Haney Hazwani dalam memilih kursus yang sesuai dengan kecenderungannya.

Kaunselor buka pintu buat pelajar ITE teroka kekuatan

SEMANGAT membantu banduan agar kembali ke pangkuan masyarakat atau mencari pekerjaan buat golongan yang memerlukan dekat di hati Encik Muhammad Zulhelmi Jumaat dalam dua tugasannya sebelum ini.

Awal sebelum menggalas amanah sebagai kaunselor pendidikan dan bimbingan kerjaya yang ditugaskan Kementerian Pendidikan (MOE) ke Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Kolej Timur, beliau pernah bertugas di Perkhidmatan Penjara Singapura dan Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) Central.

Sejak tiga tahun lalu, beliau lebih bersemangat membantu pelajar yang bakal memasuki ITE atau lulusan institusi itu dalam menentukan arah tuju mereka selanjutnya.

Beliau adalah satu-satunya kaunselor pendidikan dan bimbingan kerjaya Melayu di ITE.

Kaunseling berkumpulan atau secara orang-porseorangan diberikan. Bengkel yang meliputi panduan mempersiapkan diri bagi program bekerja sambil belajar, sesi temu duga pekerjaan dan menulis 'resume' turut dikendalikan.

Pelajar juga diajar cara memanfaatkan gerbang satu perhentian mengenai peningkatan kemahiran seperti *MySkillsFuture*.

Sebagaimana kata Encik Muhammad Zulhelmi, 32 tahun, ketika ditemui *Gah!* baru-baru ini:

“Kebanyakan pelajar keliru dalam menentukan arah tuju mereka, baik

dalam pemilihan kursus atau kerjaya. Mereka masih teragak-agak memikirkan haluan selanjutnya.

“Ada yang ingin ikut usulan ibu bapa mereka tetapi merasakan ia tidak selari dengan minat dan personaliti mereka.

“Saya pernah melalui fasa serupa dan dapat memahami keresahan yang dirasakan. Maka, tugas saya adalah membimbing mereka agar membuat keputusan berdasarkan pertimbangan yang wajar lagi maklumat terperinci.

“Saya akan beri mereka butiran tentang pelbagai laluan yang boleh diteroka berdasarkan kekuatan mereka, personaliti, minat dan cita-cita mereka.”

Encik Muhammad Zulhelmi masih ingat detik di mana beliau mengambil Diploma Kejuruteraan Elektronik di Politeknik Republic (RP) kerana bapanya yakin itulah bidang pengajian yang sesuai buatnya.

“Saya sendiri melambangkan seorang belia yang tidak pasti dan kehilangan dalam memilih masa depannya ketika itu.

“Menyedari bahawa minat saya adalah mendekati masyarakat dan membantu mereka keluar daripada lingkaran kesusahan atau meringankan beban mereka, maka ijazah psikologi bersama sosiologi diambil di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

“Saya kemudian melanjutkan pengajian saya ke peringkat diploma post-siswazah dalam bidang kerja sosial di SUSS,” kongsinya.

Antara pelajar yang ditemui termasuk seorang gadis yang meraih inspirasi menjadi pekerja sosial sepertinya. Pelajar itu awalnya ditawarkan kursus pengurusan kecantikan dan spa di ITE yang kurang diminati.

“Menerusi panduan yang diberi dalam kaunseling pendidikan dan kerjaya, beliau akhirnya diterima masuk bagi kursus Diploma Kerja Sosial di Politeknik Nanyang (NYP).

“Meskipun keputusan akademik seseorang pelajar mungkin sederhana, bakat dan minatnya lebih diutamakan dalam latihan seperti Pelaksanaan Kemasukan Awal (EAE) ke ITE atau Skim Kemasukan Secara Langsung Politeknik (DPP) buat lulusan ITE,” tambahnya lagi.

Menyentuh cabaran yang dihadapi dalam tugasnya, Encik Muhammad Zulhelmi berkata beliau berdepan dengan keperluan pelajar ITE dari pelbagai latar belakang keluarga.

Ada daripada mereka perlu penuhi jangkaan ibu bapa mereka. Ada juga yang datang daripada keluarga kurang berkemampuan dan sulit situasinya dengan si pelajar tidak dapat datang ke sekolah kerana ada amanah seperti menjaga ibu bapa yang sakit atau masalah sosial lain.

“Melalui panduan yang diberi, saya berharap mereka akan lebih mengenali diri mereka sendiri dan meraih kemahiran hidup yang boleh dijadikan bekalan.

“Mereka juga akan lebih menghargai nilai pekerjaan yang bakal diceburi,” tambahnya.